

02 OCT 1998

Masjid-Kedai

KEDAH SEDIAKAN RM3.4 JUTA BAGI PROGRAM KEDAI MASJID

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Kedah memperuntukkan RM3.4 juta bagi membina kedai runcit di 222 masjid di seluruh negeri ini tahun ini sebagai satu agenda bagi memastikan aliran pusingan kekayaan di kalangan umat Islam dapat dimanfaatkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Industri Berat dan Dana Kewangan Kedah Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin hari ini berkata usaha itu menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri membangunkan ekonomi umat Islam.

Sehubungan itu, segelintir umat Islam disaran supaya tidak terlalu lantang menyuarakan pendapat dengan alasan penubuhan kedai masjid itu akan membawa kepada pertengkaran dan mengganggu solat berjemaah.

Perkara itu hanya bersifat sementara kerana ia merupakan fenomena yang biasa berlaku di kalangan masyarakat yang lazimnya sukar menerima sebarang pembaharuan, katanya pada perasmian Diskusi UMUM Kedai Masjid dalam program mengimarah masjid Kedah di sini.

Beliau mewakili Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid yang mengiringi lawatan sehari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kubang PASU.

Abdullah Hasnan berharap anggota jawatankuasa masjid bekerjasama dengan kerajaan bagi melaksanakan program membina kedai masjid itu yang akan dirasmikan Sanusi di masjid Muadzam Shah, Kuala Nerang akhir bulan ini.

Beliau yang juga Pengerusi Pelaksanaan Kedai Masjid Kedah berkata program itu akan dilaksanakan dengan kerjasama jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, MARA, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pejabat Kemajuan Negeri dan Jabatan Agama Islam dari segi bekalan barangan, pengurusan kedai dan reka bentuk kedai.

Pembinaan kedai masjid itu akan dilaksanakan secara gotong royong oleh anggota kariah masjid, tambahnya.

Abdullah Hasnan berkata kerajaan negeri sentiasa berusaha meningkatkan fungsi masjid untuk menjayakan program mengimarah masjid dengan memperuntukkan lebih RM6 juta bagi membina pusat sumber, balai lintang, bilik air, gelanggang sepaktakraw dan membeli peralatan masjid di Kedah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Kebajikan dan Hal Ehwal Masjid Kedah Haji Md Hassan Bulat pula berkata 22 masjid di pulau ini akan dilengkapi dengan komputer yang dihubungkan dengan Pejabat Agama Langkawi untuk menyelaraskan sebarang kegiatan dalam program mengimarah masjid.

Langkawi akan dijadikan model dalam usaha menerapkan penggunaan teknologi maklumat sebelum program itu diperluaskan kepada masjid di daerah lain di Kedah, tambahnya.

-- BERNAMA

NH WAT